

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

SOALAN:

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kewangan bagi Tabung Haji, YAPEIM dan JAKIM dan semua agensi Islam yang berdaftar di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi tempoh 2013, 2014 dan 2015.

JAWAPAN: **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat enam agensi yang bertaraf jabatan Kerajaan yang berkaitan hal ehwal Islam di bawah tanggung jawab Jabatan Perdana Menteri iaitu **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**, **Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)**, **Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)**, **Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan**, **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)** dan **Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)**. Oleh itu, peruntukkan kewangannya sama ada perbelajaan mengurus dan pembangunan adalah tertakluk kepada Bajet tahunan yang diluluskan oleh Kerajaan. Peruntukkan tersebut diurus mengikut

peraturan dan tatacara kewangan Kerajaan yang sentiasa di audit oleh Jabatan Audit Negara.

Mengenai **Lembaga Tabung Haji (TH)**, penubuhannya dikuatkuasakan di bawah Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 dan Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973. Seterusnya akta tersebut dipinda dan diganti dengan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535), yang telah memansuhkan akta terdahulu. **TH** adalah badan berkanun yang diasingkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991. Melalui pengasingan ini, **TH** tidak lagi menerima geran kewangan daripada Kerajaan.

Sebagai badan berkanun, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan **TH** melalui proses Jabatan Audit Negara dan dibentangkan di Mesyuarat Parlimen setiap tahun. Perincian penyata kewangan **TH** bagi tempoh 10 tahun boleh dirujuk dalam laman sesawang **TH** (www.tabunghaji.gov.my). Bagi Penyata kewangan 2015 akan diedarkan apabila ianya telah selesai diaudit dan dibentangkan dalam Mesyuarat Parlimen kelak. Disamping itu juga, penyata kewangannya disediakan mengikut piawaian pelaporan kewangan yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan menurut prinsip syariah. Status kewangan **TH** bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti berikut:

PERKARA	2013 (RMjuta)	2014 (RMjuta)	2015* (RMjuta)
Pendapatan	3,730	3,289	4,467
Keuntungan Bersih	2,634	2,979	3,537

Nota : * Penyata kewangan 2015 masih dalam proses auditan.

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM) pula merupakan badan bukan Kerajaan. Ia sebuah perbadanan yang tertakluk kepada surat ikatan amanah dan didaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 atau ringkasnya Surat Ikatan YaPEIM. Objektif utamanya adalah untuk membangunkan dan menjana ekonomi umat Islam dengan cara menyediakan sebuah model dengan memperkenalkan instrumen-instrumen kewangan Islam yang mampu untuk menyumbang pula kepada aktiviti amal jariah dan kebajikan umat Islam. Sumber kewangannya adalah sumbangan amal jariah dan penjanaan dari aktiviti perniagaan seperti ar-Rahnu dan YaPEIM SMART.

Kedudukan kewangan YaPIEM bagi tahun 2013 - 2015 adalah seperti berikut:

Bil	Butiran	Tahun berakhir 31 Dis 2013 (Telah diaudit)	Tahun berakhir 31 Dis 2014 (Telah diaudit)	Tahun berakhir 31 Dis 2015 (Belum diaudit)
Lembaran Imbangan				
1	Jumlah Aset Keseluruhan	1.046 bilion	1.034 bilion	1.035 bilion
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan				
2	Lebihan Pendapatan selepas cukai	16.71 juta	20.86 juta	11.06 juta

Sekian, terima kasih.